

## DENDANG SENJA

Dark-throated Oriole

FAMILI: Oriolidae  
NAMA SAINTIFIK: *Oriolus xanthonotus*

### CIRI-CIRI

Bagi burung jantan dewasa sub-spesies *O.x.xanthonotus*, ia bersaiz agak kecil, bahagian kepala dan sayap yang berwarna hitam, manakala bahagian bawah dada hingga ke perut yang berwarna putih dengan jalur-jalur hitam. Bahagian atas badan dan bulu ekor di bahagian bawah berwarna kuning, manakala ekor berwarna hitam. Pada bahagian sayap juga, terdapat Jaluran yang berwarna kuning keputihan yang kurang ketara. Bagi burung betina dewasa pula, bahagian atas badan berwarna hijau buah zaitun dengan bahagian bawah tongkeng dan bulu penutup ekor yang agak terang. Bahagian atas dan sisi kepala pula agak gelap dan lebih berwarna kekelabuan. Bahagian bawah badan pula agak keputihan dengan jalur-jalur hitam yang jelas dan bulu ekor di bahagian bawah yang berwarna kuning. Ia boleh disalah-anggap sebagai burung juvenil Dendang Selayang (*O.chinensis*) tetapi berbeza kerana ia lebih kecil, paruh yang berwarna oren terang, bahagian atas dan sisi kepala yang lebih gelap manakala bahagian bawah badan mempunyai corak yang lebih terang dan nyata. Bagi burung juvenil pula, ia menyerupai burung betina dewasa tetapi paruh berwarna lebih lusuh, dan mempunyai jalur atau tompok pada sayap yang berwarna kemerahan. Bagi burung jantan yang belum matang, ia juga menyerupai burung betina dewasa tetapi bahagian atas badan berwarna hijau kekuningan, bahagian muka dan atas kepala yang berwarna kelabu kehitaman, manakala bahagian tekak pula berwarna kekelabuan cerah. Panjang keseluruhan burung ini adalah di antara 20.0-20.5 sm.

### MAKANAN

Ia menggemari buah-buahan yang banyak terdapat di dalam hutan seperti buah ara atau lain-lain buah dari jenis beri, namun serangga dan ulat juga turut menjadi sebahagian daripada diet.

### HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap, hutan tanah pamah, pinggiran hutan, hingga ke ketinggian 1,220 m dari aras laut (selalunya di bawah 300 m dari aras laut).

### BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi siluan berulang yang merdu dan lunak *phu phi-uu*, *phu-phu-pfu wo*, *phu'phu-wiu-uu* dan *phu-pui*. Selain itu, ia juga mengeluarkan bunyi yang bernada tinggi *kyew*, *pheeu* atau *ti-u*, tetapi kurang kasar berbanding burung Dendang yang lain.

### PEMBIAKAN

Musim membiak adalah di antara bulan Februari hingga Mac setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang tergantung pada ranting pokok.

### STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya ; IUCN, hampir terancam.